



## SIARAN AKHBAR

### MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN DERMA SEMPENA BULAN RAMADHAN 1440H/2019M

#### BANDAR SERI BEGAWAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM HARI SELASA, 28 RAMADHAN 1440 BERSAMAAN DENGAN 3 JUN 2019

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma sempena Bulan Ramadhan 1440H/2019M pada hari ini, 28 Ramadhan 1440 bersamaan dengan 3 Jun 2019, di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Bandar Seri Begawan.
2. Hadir di majlis ini ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Mulia Awang Yusof bin Haji Abd Rahman, Pengarah Urusan AMBD; Yang Mulia Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain serta pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD.
3. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong dan seterusnya diikuti dengan bacaan ayat-ayat lazim beramai-ramai dan Doa Khatam yang dibacakan oleh Yang Mulia Muhammad Zul Hamzi Faiz Bin Hj Mohd Zali.
4. Majlis juga diselajarkan dengan penyampaian sumbangan derma kepada Organisasi Bukan Kerajaan (*Non-Government Organisations*) dan beberapa anak-anak yatim oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.
5. Seramai 42 orang anak yatim dari Daerah Brunei-Muara, telah dijemput untuk menerima sumbangan dari pihak pengurusan, pegawai dan kakitangan AMBD.

6. Organisasi-organisasi Bukan Kerajaan yang menerima sumbangan dari AMBD terdiri daripada Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNAB), Persatuan KACA dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Tarikh : 29 Ramadhan 1440/ 3 Jun 2019

Rujukan : AMBD/COMMS/3

Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), selaku bank pusat Negara Brunei Darussalam, mempunyai empat objektif utama iaitu; untuk mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik; memastikan kestabilan sistem kewangan, melalui peraturan kewangan dan piawaian yang berhemat; membantu dalam mengadakan sistem pembayaran yang cekap; dan menggalakkan dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh serta progresif.